


## HUKUM ZAKAT KE ATAS FIRMA-FIRMA DAN SYARIKAT KONSULTAN

### Keputusan :

1. Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor telah bersetuju memutuskan bahawa firma-firma dan syarikat konsultan adalah **wajib** membayar zakat jika cukup syarat wajib zakat.
2. Keputusan ini berdasarkan kepada hujah-hujah seperti berikut :
  - i. Tarif Konsultan  
Mengikut Kamus Dewan Bahasa edisi baru Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur 1991, hal. 651, Konsultan bermaksud pakar runding, iaitu khidmat pakar runding bagi sesuatu projek yang akan dilaksanakan oleh sesuatu pihak.
  - ii. Para ulama dari kalangan sahabat, tabiin dan fuqaha' telah bersepakat mengatakan bahawa pemilik-pemilik syarikat perniagaan dan perkhidmatan adalah wajib mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syaratnya. Pendapat tersebut berdasarkan ayat al-Quran surah al-Baqarah ayat 267 iaitu :
    - a. Firman Allah s.w.t




Maksudnya :

**“Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu membelanjakan harta kamu baik-baik iaitu hasil daripada apa yang kamu telah usahakan dari harta-harta yang kami keluar untuk kamu dari bumi”.**

**(Al-Baqarah : 267)**

- b. Dalam satu hadis Rasulullah s.a.w telah bersabda :




Maksudnya :

**...tidak dihimpunkan antara yang berpisah dan tidak dipisahkan antara yang berhimpun kerana takut mengeluarkan zakat...**

(Riwayat Ibnu Majah)

Disini dapat disimpulkan bahawa individu yang berada dalam satu syarikat atau perkumpulan maka dianggap satu, tanpa dipisah-pisahkan antara satu sama lain.

c. Di dalam hadis lain dinyatakan bahawa Nabi s.a.w bersabda :



Maksudnya :

**Daripada Samrah katanya : “Sesungguhnya Rasulullah s.a.w menyuruh kami mengeluarkan zakat daripada hasil jualan”.**

(Riwayat Abu Daud)

3. Apabila sebuah syarikat atau firma ditubuhkan dengan akad dan niat untuk menjalankan perniagaan maka syarikat tersebut dikenakan zakat perniagaan. Ini tertakluk kepada syarat-syarat zakat perniagaan yang dikenakan kepada perseorangan iaitu dengan kadar 2.5%.
4. Bagi syarikat yang membekalkan perkhidmatan seperti syarikat guaman, perhotelan, rundingcara, perubatan dan sebagainya, maka syarikat-syarikat tersebut adalah juga dianggap syarikat perniagaan.
5. Menurut pendapat **Dr.Yusuf al-Qardhawi**, sekiranya Kerajaan telah menubuhkan syarikat dan memberikan modal seterusnya memberinya kuasa untuk menjalankan perniagaan, maka syarikat tersebut wajib membayar zakat.